

19/02/2004

Shalin belajar daripada idola Michael Jordan

Aida Adilah Mat

NAMA Shalin Zulkifli sering dikaitkan dengan kehebatannya 'membakar' lorong bowling. Keunggulannya menghayun bola serta menjatuhkan pin bukan saja menyaksikannya mengukir nama di peringkat tempatan tapi juga antarabangsa. Sepanjang kerjayanya, Shalin sudah menempa pelbagai kejayaan baik di pelbagai peringkat. Kali ini EpG berpeluang menemui Ratu Bowling itu yang kini semakin sibuk sebagai mahasiswa tahun tiga jurusan Sains Sukan di Universiti Malaya.

EpG: Bagaimana dengan pengajian Shalin sekarang?

Shalin: Sekarang ini Shalin kena memberi tumpuan lebih kepada pelajaran sebab sekarang ini tengah musim peperiksaan dan saya harap dapat menghabiskan pengajian pada tahun depan.

EpG: Lepas tamat pengajian apa perancangan Shalin? Nak teruskan pelajaran atau masih ingin bergiat dalam sukan bowling?

Shalin: Kalau tak ada aral melintang, Shalin akan terus bermain bowling kerana sukan itu yang saya minat. Jika ada peluang Shalin memang berharap dapat menyambung pelajaran ke peringkat Master, tapi saya akan berehat dulu untuk memberi tumpuan pada Sukan Asia di Qatar 2006 nanti.

EpG: Apa sasaran Shalin untuk tahun ini?

Shalin: Untuk tahun ini tak banyak kejohanan besar, seperti Kejohanan Bowling Asia dan World Ranking, Jun ni. Dua tahun lepas dalam world ranking, Shalin berada di kedudukan ke-11. Jadi untuk tahun ini, Shalin akan cuba memperbaiki kedudukan itu.

EpG: Bagaimana dengan jadual latihan Shalin sekarang?

Shalin: Jadual latihan hampir setiap hari dari hari Isnin hingga Jumaat dan kadang-kadang Shalin juga akan berlatih sehingga Sabtu dari jam 5 hingga 7 petang. Latihan di gim pula tiga hari dari jam 9 hingga 11 pagi, kemudian Shalin akan ke kelas.

EpG: Sepanjang Shalin dalam arena sukan bowling ini apakah perkara yang paling Shalin tak dapat lupakan?

Shalin: Sepanjang dalam karier Shalin, Shalin tak dapat lupakan waktu Shalin terpilih membaca ikrar atlit sewaktu kita menjadi tuan rumah sukan Komanwel 1998, dan waktu itulah kali pertama sukan bowling dipertandingkan. Shalin juga berasa bangga kerana menjadi atlit wanita yang terpilih untuk membaca ikrar pada acara itu.

EpG: Setiap orang mempunyai idola yang boleh dijadikan ikutan dan siapakah yang menjadi idola Shalin?

Shalin: Tun Dr Mahathir Mohamad dan Michael Jordan, sebab mereka ini berdiri teguh dan berjaya dalam kehidupan setelah mengalami kegagalan. Kerana bagi Shalin kejayaan seseorang itu akan lebih bermakna apabila kita belajar daripada kesilapan dan juga mereka ini adalah orang yang berjaya bangkit dari kesusahan.

EpG: Sekarang sukan ini sering mendapat perhatian ramai, apakah pandangan Shalin mengenai sukan bowling ini sendiri?

Shalin: Sukan bowling ini berbeza sikit dengan sukan yang lain, sukan ini ialah sukan yang memerlukan skill, kekuatan badan dan stamina untuk membuat balingan dan juga mental yang mantap. Jadi untuk menjadi pemain yang bagus kita harus berusaha untuk memenuhi keperluan sukan ini dari segi teknik balingan serta penggunaan peralatan yang betul.

EpG: Apakah nasihat Shalin untuk mereka yang ingin menjadikan sukan sebagai kerjaya mereka?

Shalin: Yang pertama sekali mereka perlu mencintai bidang yang mereka

pilih, kerana jika tidak ikhlas perjalanan karier seseorang itu tentu tak lama. Yang kedua, mereka perlu percaya pada diri sendiri kerana jika ada orang luar boleh mengapa tidak kita. Semangat juga adalah penting seperti Allahyarham Mokhtar Dahari, Datuk M Jegathesan yang memperjuangkan sukan yang mereka pilih.

EpG: Terima kasih Shalin kerana sudi meluangkan masa bersama EpG untuk kali ini. Semoga Shalin akan terus berjaya dalam sukan dan pelajaran.

Shalin: Sama-sama.

DATA EpG

SHALIN ZULKIFLI

UMUR: 25 tahun

TARIKH LAHIR: 28 Mac 1978

TEMPAT LAHIR: North Islington, England

TINGGI: 155sm

BERAT: 65kg

ADIK-BERADIK: Anak tunggal

HOBI: Membaca, menonton wayang dan menonton siaran sukan di ESPN